



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/3/2012

Keputusan Shahrizat tepat dan betul - PM

UM-12/3/2012

PEKAN 11 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan keputusan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk melepaskan jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Ahli Dewan Negara tamat 8 April depan sebagai tepat dan betul.

Menurut Perdana Menteri, keputusan Shahrizat itu merupakan satu pengorbanan demi kepentingan kerajaan dan parti yang semua pihak dalam kerajaan amat menghargai tindakan tersebut.

"Walaupun setakat ini tidak ada bukti beliau telah melakukan kesalahan dari segi undang-undang, oleh kerana isu Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFCorp) telah

mengundang banyak pertikaian dan kontroversi, maka Datuk Seri Shahrizat telah membuat keputusan untuk tidak membebaskan kerajaan dan parti dan dengan itu beliau sanggup tidak meneruskan khidmat dalam kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum menghadiri Majlis Tahlil Allahyarham Tun Abdul Razak di Masjid Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Shahrizat pada sidang akhbar di ibu negara hari ini memaklumkan akan melepaskan jawatan Kabinet sebagai Ahli Dewan Negara berakhir 8 April ini.

Justeru, Perdana Menteri berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada

Shahrizat kerana telah membuat keputusan melepaskan jawatan sebagai menteri sebaik sahaja tempoh beliau sebagai Ahli Dewan Negara tamat bulan depan.

"Saya juga ingin menyarankan kepada semua ahli parti terutama Pergerakan Wanita UMNO untuk terus memberikan sokongan dan kerjasama yang sepenuhnya kepada Shahrizat kerana beliau telah memberikan komitmen untuk terus memimpin Wanita UMNO dan menjadikan Pergerakan Wanita sebagai anggota yang amat penting untuk menggerakkan jentera Barisan Nasional (BN)," jelasnya.

Ditanya sama ada tindakan Shahrizat yang tidak melepaskan jawatan Ketua Wanita UMNO akan menyebabkan pembang-

kang terus membangkitkan isu itu, Najib berkata, apa yang penting di sini ialah jawatan kerajaan.

"Jawatan Ketua Wanita adalah jawatan yang dipilih oleh parti manakala jawatan kerajaan yang boleh mengundang pelbagai pertikaian dan kontroversi," tegasnya.

Berhubung calon yang bakal menggantikan Shahrizat bagi mengisi jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Najib berkata, perkara itu akan diputuskan apabila tiba masanya kelak termasuk sama ada terus kekal disandang pemimpin Wanita UMNO atau tidak.

"Itu kemudian, masih ada masa dan jawatan tak habis sehingga 8 April," katanya.